

Tarikh: 30/3/2022

**YBhg. Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman**  
Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)  
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan  
46200, Petaling Jaya  
Selangor

**YBhg. Dato',**

**PERMOHONAN PERPINDAHAN KE PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK (SKO).**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan saya, Edward Binty, Pengurus Kanan (E48) dari Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing (PCD) MPC Ibu Pejabat ingin menarik perhatian dan jasa baik serta pertimbangan YBhg Dato' untuk memberikan kebenaran serta kelulusan kepada saya untuk berpindah ke Pejabat MPC Wilayah Sarawak (SKO).
3. Untuk makluman YBhg. Dato', tahun 2022 merupakan tahun kedua saya berada di MPC Ibu Pejabat sejak berpindah daripada Pejabat MPC Wilayah Sabah (SBO) pada 1 September 2020. Permohonan perpindahan ke MPC Sarawak (SKO) ini dimohon bagi membolehkan saya meluangkan masa bersama keluarga dengan lebih kerap. Jarak perjalanan yang mengambil masa 2 jam 30 minit melibatkan kos pengangkutan yang tinggi terpaksa saya tanggung setiap kali melawat keluarga apabila berulang alik dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Ini telah menghadkan kekerapan saya melawat keluarga saya. Manakala jarak yang lebih dekat antara Kuching dan Kota Kinabalu yang hanya mengambil masa 1 jam 25 minit serta kos tiket yang jauh lebih murah akan membolehkan saya untuk lebih kerap bersama dengan keluarga saya. Ini dapat membolehkan saya menjalankan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dengan lebih baik dan membantu perkembangan emosi dan fizikal anak-anak saya yang sedang membesar. Untuk makluman YBhg. Dato', saya mempunyai 4 orang anak yang berumur antara 6 hingga 12 tahun.
4. Pengalaman yang diperolehi semasa bertugas di ibu pejabat akan saya gunakan nanti untuk membantu dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi apabila berada di pejabat wilayah.
5. Justeru, saya amat menghargai budi bicara dan keprihatinan YBhg. Dato' untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan perpindahan saya ini.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

  
**Edward Binty**  
Pengurus Kanan  
Bahagian Pembangunan Produktiviti dan  
Daya Saing (PCD)

Tarikh: 30/3/2022

Saya menyokong permohonan ini,

  
**Wan Fazlin Nadia Wan Osman**  
Pengarah  
Bahagian Pembangunan Produktiviti dan  
Daya Saing (PCD)

Tarikh: 30/3/2022

**Roslinda Ahmad**

---

**From:** Dato' Abdul Latif Abu Seman  
**Sent:** Wednesday, 6 April, 2022 11:17 PM  
**To:** Edward Binty  
**Cc:** Josffa Ismail; Wan Farid W Ahmad  
**Subject:** Re: Permohonan Mengisi Kekosongan Jawatan Pengurus Kanan Pejabat MPC Wilayah Sarawak (SKO)



✓ Sdr. Edward Binty,  
Saya ambil maklum mengenai permohonan anda dan akan dibincangkan dalam Mesyuarat PPSM dalam masa terdekat untuk diputuskan.  
Terima kasih.  
Salam hormat.

Get [Outlook for iOS](#)

---

**From:** Edward Binty <edward@mpc.gov.my>  
**Sent:** Wednesday, April 6, 2022 11:03:52 AM  
**To:** Dato' Abdul Latif Abu Seman <AbdulLatif@mpc.gov.my>  
**Cc:** Josffa Ismail <josffa@mpc.gov.my>; Wan Farid W Ahmad <WanFarid@mpc.gov.my>  
**Subject:** Permohonan Mengisi Kekosongan Jawatan Pengurus Kanan ,Pejabat MPC Wilayah Sarawak (SKO)

Salam sejahtera,

YBhg. Dato',

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Permohonan ini dibuat apabila saya difahamkan penyandang jawatan tersebut sekarang En. Semawi Zakaria telah memohon persaraan pilihan awal yang berkuatkuasa **1 Jun 2022**. Oleh itu, saya berminat untuk mengisi kekosongan tersebut dan dikemukakan surat permohonan pertukaran dengan alasan-alasan yang berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato.

Makluman dan pertimbangan YBhg. Dato' diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Edward Binty  
Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing (PCD)  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)